

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M  
PARAMESWARAN [ BATU ]**

**SOALAN**

**TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [ BATU ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan *Sime Darby* sebuah GLC Kerajaan telah memberikan notis pengusiran kepada penternak lembu dan kambing yang diusahakan oleh bekas pekerja ladang dan pekerja ladang sejak tahun 1960-an dan 1970-an. Apakah tindakan Menteri Pertanian untuk memastikan nasib penternak ini dibela supaya jaminan makanan negara tidak terjejas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula bulan Jun 2019, syarikat Sime Darby Bhd telah menetapkan bahawa aktiviti penternakan lembu di bawah tanaman kelapa sawit tidak lagi dibenarkan kerana sebab-sebab berikut:

- i) konflik diantara pihak pengurusan ladang dan penternak;
- ii) berlaku ketirisan di antara pemilik ternakan, pengurus ladang dan pekerja ladang;
- iii) kos pengurusan dan penyelenggaraan yang meningkat akibat kerosakan pagar dan bayaran kerja lebih masa pekerja sehingga RM3 juta setahun; dan
- iv) isu sosial dan pembinaan infrastruktur tanpa kebenaran.

Bagi membantu penternak yang terjejas, MAFI melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah dan sedang mengambil inisiatif-inisiatif berikut:

- i) Memindahkan ternakan ke kawasan-kawasan padang ragut dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) bagi penternak yang bersetuju; dan
- ii) Membangunkan Prosedur Operasi Standard (SOP) penternakan lembu secara integrasi di ladang sawit sebagai panduan kepada penternak untuk menguruskan ternakan secara sistematik.

Di samping itu, MAFI turut menyediakan pelbagai inisiatif bagi membela dan membantu penternak meliputi: -

- i) Projek Rezeki Ternak (Projek ini bertujuan membantu penternak kecil bagi menambah pendapatan di mana skop projek

- termasuklah perolehan ternakan, makanan dan input peralatan ladang);
- ii) Program Pembangunan Industri Ruminan (PROPER) (Program ini melibatkan bantuan secara pakej ternakan dengan konsep geran pepadanan antara penternak dan Kerajaan);
  - iii) Program Peningkatan Pengeluaran Tenusu Negara (Program ini melibatkan skop bantuan peralatan dan lembu tenusu secara geran pepadanan antara penternak dan Kerajaan);
  - iv) Perkhidmatan nasihat teknikal veterinar (DVS melalui Pusat Pengembangan Veterinar (VetEC) dan Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah memberikan perkhidmatan teknikal seperti aktiviti rawatan ternakan, program kesihatan gerompok, aktiviti kawalan penyakit, khidmat nasihat teknikal pengembangan dan lain-lain perkhidmatan lapangan); dan
  - v) Memperluaskan kebolehpasaran melalui platform pemasaran *online* (DVS membantu penternak memperluaskan kebolehpasaran melalui platform pemasaran *online* dengan kerjasama FAMA dan sektor swasta bagi memudahkan penternak meningkatkan kadar jualan mereka).

Pendekatan-pendekatan ini juga selari dengan Dasar Agromakanan Negara 2021 – 2030 (DAN 2.0) iaitu untuk mencapai sasaran Tahap Sara Diri (SSL) bagi daging lembu/kerbau sebanyak 50%.

Sekian, terima kasih.